



**GARIS PANDUAN**

**PENDAFTARAN ORANG KOMPETEN**

**KREN MENARA, MESIN ANGKAT**

**PENUMPANG & BARANG, PELANTAR KERJA DAN**

**GONDOLA**

## KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

### Kandungan

1.0 Pendahuluan	mukasurat 3
2.0 Kelayakan	mukasurat 3
3.0 Prosedur Permohonan	mukasurat 4
4.0 Kuasa Ketua Pemeriksa	mukasurat 4
5.0 Tanggungjawab Orang Kompeten	mukasurat 5
6.0 Temuduga	mukasurat 5
7.0 Salah Laku	mukasurat 6
Lampiran 1 : Borang Pendaftaran Orang Kompeten EMD	mukasurat 7
Lampiran 2 : Pembaharuan Pendaftaran Orang Kompeten EMD	mukasurat 9

## 1.0 PENDAHULUAN

- 1.1 Garispanduan ini bertujuan untuk menetapkan prosedur dan kelayakan bagi pendaftaran Orang Kompeten Pemasang, Penyelenggara dan Perombak (EMD) Mesin Angkat menurut Seksyen 29A, Akta Kilang dan Jentera 1967 (Akta 139).
- 1.2 Seksyen 29A, Akta Kilang dan Jentera 1967 menyatakan tiada seorang pun boleh mengilang, memasang, menguji, menyelenggara, membuka atau membaiki mana-mana jentera yang telah ditetapkan kecuali mempunyai kebenaran bertulis yang dikeluarkan oleh Ketua Pemeriksa.

## 2.0 KELAYAKAN PENDAFTARAN

- 2.1 Syarat-Syarat kelayakan Orang Kompeten pemasang, penyenggara dan perombak mesin angkat hendaklah-
  - (a) Warganegara Malaysia
  - (b) Mempunyai sekurang-kurangnya lima (5) tahun pengalaman dalam pemasangan, penyenggaraan, pemeriksaan dan perombakan kren menara/ mesin angkat penumpang / mesin angkat barang / Mast Climbing Working Platform
  - (c) Telah menghadiri kursus keselamatan bekerja di tempat tinggi (Working at Height).
  - (d) Menghadiri kursus *Hazard Identification Risk Assesment Risk Control* (HIRARC) atau *Job Safety Analysis* (JSA).
  - (e) Menghadiri kursus teknikal berkaitan pemasangan, penyenggaraan dan perombakan kren menara / Mesin angkat penumpang / mesin angkat barang / mast climbing working platform dengan syarikat principal.
  - (f) Lulus pemeriksaan perubatan dengan pengamal perubatan
  - (g) Tidak disabitkan -
    - (i) Atas suatu kesalahan dibawah Akta Kilang Dan Jentera 1967 atau mana-mana peraturan dibawahnya; atau
    - (ii) Atas suatu kesalahan dibawah Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994 atau mana-mana peraturan dibawahnya.; atau
    - (iii) Atau suatu kesalahan dan dihukum penjara lebih dari satu tahun atau didenda lebih daripada dua ribu ringgit;
  - (h) Telah memenuhi syarat-syarat lain yang dinyatakan dibawah Akta atau mana-mana peraturan dibawahnya;

## 3.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- 3.1 Setiap permohonan Orang Kompeten hendaklah dikemukakan oleh firma kompeten . Firma kompeten hendaklah mengesahkan pengalaman pemohon dalam bidang berkaitan.

3.2 Tempoh Pendaftaran orang kompeten adalah mengikut tempoh sah pendaftaran firma kompeten.

3.3 Jika Orang kompeten yang telah berhenti dari firma berdaftar dan berhajat untuk bekerja dengan firma berdaftar lain hendaklah memohon semula (melalui firma terbabit) dan perlu menghadiri sesi temuduga untuk didaftarkan semula sebagai orang kompeten.

3.4 Dokumen yang perlu dihantar bersama-sama permohonan adalah seperti yang dinyatakan dalam lampiran 1.

#### **4.0 KUASA KETUA PEMERIKSA**

4.1 Ketua Pemeriksa Kilang Dan Jentera mempunyai kuasa untuk tidak mendaftarkan mana-mana permohonan sekiranya beliau berpuas hati bahawa pemohon tidak memenuhi syarat-syarat seperti yang ditetapkan dalam perkara 2 atau gagal dalam peperiksaan yang ditetapkan di bawah perkara 6.

4.2 Ketua Pemeriksa Kilang Dan Jentera juga mempunyai kuasa untuk tidak memperbaharui dan membatalkan pendaftaran pada bila-bila masa sekiranya orang yang kompeten ;

(a) Telah berhenti kerja dengan firma kompeten.

(b) Telah disahkan oleh Pegawai Perubatan bahawa beliau tidak berupaya untuk menjalankan tugas berkaitan.

(c) Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakkan atau syarat-syarat lain yang ditetapkan dalam perkara 2; atau

(d) Gagal menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti yang ditetapkan dalam perkara 5.

4.3 Ketua Pemeriksa Kilang Dan Jentera boleh mengarahkan temuduga dijalankan ke atas orang yang kompeten bagi tujuan pembaharuan pendaftaran.

#### **5.0 TANGGUNGJAWAB ORANG KOMPETEN**

5.1 Orang Kompeten bertanggungjawab;-

(a) Menjalankan semua tanggungjawab seperti yang dinyatakan dibawah Seksyen 29A, Akta Kilang Dan Jentera 1967 (Akta 139).

(b) Menyelia sepenuhnya aktiviti pemasangan, pemeriksaan, penyenggaraan dan perombakan kren menara / mesin angkat penumpang / mesin angkat barang / Gondola / Mast Climbing Platform.

(c) Memastikan keselamatan dan kesihatan semua pekerja dibawah seliaanya semasa pemasangan, pemeriksaan, penyenggaraan dan perombakan kren menara / mesin angkat penumpang / mesin angkat barang / Gondola / Mast Climbing Platform dilakukan.

(d) Memaklumkan kepada Jabatan (Pejabat JKKP Negeri) berkenaan sebarang kerosakan terhadap struktur mesin angkat dan komponen-komponen dibawah seliaannya.

- (e) Menjalankan pemeriksaan berkala dan menyediakan laporan pemeriksaan semua mesin angkat dibawah penyeliaannya pada setiap bulan.
- (f) Melaksanakan tugas sebagai Orang Kompeten mesin angkat secara tetap. Sebarang tugas orang kompeten secara separuh masa tidak dibenarkan.
- (g) Setiap Orang Kompeten hanya dibenarkan mengawalselia 18 unit mesin angkat sahaja pada satu masa.
- (h) Menyelia sepenuhnya semua aktiviti membicu (jacking) struktur *mast*.
- (i) Menjalankan ujian beban, ujian kendalian dan ujian tapak semasa pemeriksaan oleh pemeriksa Jabatan.
- (j) Memberi latihan berkenaan operasi kerja selamat kepada pihak pengurusan tapak sebelum menyerahkan operasi mesin angkat berkenaan.

5.2 Adalah menjadi satu kesalahan bagi orang kompeten yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti dinyatakan dibawah perkara 5.1 .

## 6.0 TEMUDUGA

6.1 Proses temuduga atau taklimat teknikal akan dijalankan oleh Jabatan untuk memastikan pemohon mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang mencukupi.

- (a) **Bahagian I – Akta Dan Peraturan** ; Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan.
- (b) **Bahagian II – Pemeriksaan**; untuk menilai pengalaman dan pengetahuan pemohon menjalankan pemeriksaan kren menara / mesin angkat penumpang / mesin angkat barang /Gondola / mast climbing working platform; dan
- (c) **Bahagian III – Pemasangan, Penyenggaraan dan Perombakan**; untuk menilai pengalaman dan pengetahuan pemohon untuk melaksanakan pemasangan, pemeriksaan, penyenggaraan dan perombakan kren menara / mesin angkat penumpang / mesin angkat barang /Gondola / mast climbing working platform; dan
- (d) **Bahagian IV – Rekabentuk dan Kod Amalan**; untuk menilai pengalaman dan pengetahuan pemohon mengenai kod amalan dan perkara-perkara berkaitan rakabentuk mesin angkat.

## 7.0 SALAH LAKU

7.1 Bagi tujuan garis panduan ini, salah laku bermaksud :

- (a) Gagal melaksanakan tanggungjawab seperti yang dinyatakan dibawah perkara 5;
- (b) Melepaskan tanggungjawab tersebut kepada orang lain yang tidak berdaftar dengan Ketua Pemeriksa;

- (c) Gagal menasihati pemunya atau pemilik mengenai sebarang kerosakkan terhadap kren menara / mesin angkat penumpang / mesin angkat barang / Gondola / mast climbing working platform yang boleh mengakibatkan kehilangan nyawa atau kerosakkan harta benda sedangkan mesin angkat tersebut dibawah seliaanya.
- 7.2 Mana-Mana Orang Kompeten yang didapati bersalah atau melakukan salah laku, pendaftarannya sebagai orang kompeten boleh dibatalkan dengan serta merta.
- 7.3 Mana–Mana Orang kompeten yang didapati cuai dan menyebabkan kemalangan atau kejadian berbahaya terhadap kren menara / mesin angkat penumpang / mesin angkat barang / Gondola / mast climbing working platform dibawah seliaanya, boleh didakwa dibawah mana-mana akta atau Peraturan berkaitan.

Lampiran 1



JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
MALAYSIA

**BORANG PENDAFTARAN SEBAGAI ORANG KOMPETEN  
KREN MENARA / MESIN ANGKAT PENUMPANG & BARANG / GONDOLA**

Klipkan gambar  
terkini  
(gambar  
hendaklah  
berukuran lesen  
memandu)

**1.0 BUTIR-BUTIR PERIBADI:**

- 1.1 Nama (huruf besar): ..... 1.5 Umur : .....
- ..... 1.6 Nombor kad pengenalan:  
.....
- 1.2 Jantina : Lelaki / Perempuan .....
- 1.3 Tarikh Lahir : ..... 1.7 Kewarganegaraan:  
.....
- 1.4 Alamat rumah: ..... 1.8 Tel. No. (rumah) : .....  
..... (bimbit) : .....  
..... 1.9 Emel : .....

**2.0 BUTIR-BUTIR MAJIKAN:**

- 2.1 Nama dan Alamat Majikan: ..... 2.2 No Pendaftaran Syarikat ..... 2.3 Tel.No. (pejabat) : .....
- ..... 2.4 Fax. No. (pejabat): .....

**3.0 PENGALAMAN BEKERJA :**

Jawatan:	Tempoh Khidmat	Nama Majikan:
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....

**4.0 KELAYAKAN DAN LATIHAN : ( Nyata dan lampirkan dengan salinan sijil)**

- 4.1 Kelulusan akademik yang tertinggi diperolehi:  
.....
- 4.2 Latihan yang berkaitan dengan operasi kren:  
.....

**5.0 PENGAKUAN**

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar sepanjang pengetahuan saya dan mempunyai kesihatan dan keupayaan untuk mengendalikan kren dengan selamat.

Tandatangan	: .....	Pengesahan	
Nama pemohon	: .....	Majikan	
Tarikh	: .....	Tandatangan	: .....
		Nama saksi	: .....
		Jawatan	: .....
		Tarikh	: .....





JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN  
MALAYSIA

Klipkan gambar  
terkini  
(gambar  
hendaklah  
berukuran lesen  
memandu)

**BORANG PEMBAHARUAN PENDAFTARAN SEBAGAI ORANG KOMPETEN  
KREN MENARA , MESIN ANGKAT PENUMPANG & BARANG, PELANTAR KERJA DAN GONDOLA**

**1.0 BUTIR-BUTIR PERIBADI:**

- 1.1 Nama (huruf besar): ..... 1.5 Umur : .....
- ..... 1.6 Nombor kad pengenalan:  
.....
- 1.2 Jantina : Lelaki / Perempuan .....
- 1.3 Tarikh lahir : ..... 1.7 Kewarganegaraan:  
.....
- 1.4 Alamat rumah: ..... 1.8 Tel. No. (rumah) : .....  
..... (bimbit) : .....  
..... 1.9 Emel : .....

**2.0 BUTIR-BUTIR MAJIKAN:**

- 2.1 Nama dan Alamat Majikan: ..... 2.2 No Pendaftaran Syarikat ..... 2.3 Tel.No. (pejabat) :  
.....  
.....  
..... 2.4 Fax. No. (pejabat):  
.....

**3.0 SENARAI KERJA PEMASANGAN DAN PEROMBAKAN SEPANJANG KELULUSAN YANG LEPAS :**

Nama Projek	Tempoh Pemasangan	Nama Pelanggan
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....
.....	..... hingga.....	.....

(\*\*\* Sediakan lampiran jika perlu)

**4.0 LATIHAN YANG DIHADIRI: ( Nyata dan lampirkan dengan salinan sijil)**

.....  
.....  
.....  
.....  
.....  
.....

**4.1 Kelulusan akademik yang tertinggi diperolehi:**

.....

**5.0 PENGAKUAN**

Saya dengan ini mengaku bahawa butir-butir di atas adalah benar sepanjang pengetahuan saya dan mempunyai kesihatan dan keupayaan untuk mengendalikan kren dengan selamat.

Tandatangan	: .....	Pengesahan Majikan	
Nama pemohon	: .....	Tandatangan	: .....
Tarikh	: .....	Nama saksi	: .....
		Jawatan	: .....
		Tarikh	: .....